

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN ER TECK HWA [BAKRI]**
TARIKH : **25.05.2016 (RABU)**

TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan konsep bebas plastik dan polisterin dapat dijalankan di seluruh negara setiap hari bukannya pada hari tertentu seperti yang diamalkan sekarang ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan persekitaran yang bersih dan selamat kepada semua lapisan masyarakat. Fokus jangka panjang kerajaan adalah supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan yang selesa dan mempunyai kualiti hidup yang lebih baik tanpa menggugat keperluan generasi akan datang. Salah satu daripada usaha kerajaan dalam meminimumkan penggunaan sumber asli, bahan toksik dan pengeluaran bahan buangan adalah dengan mengurangkan penggunaan beg plastik di kalangan masyarakat.

Di antara langkah-langkah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik adalah dengan melaksanakan Kempen Kurangkan Penggunaan Beg Plastik. Kempen ini dijalankan oleh pihak pasaraya di mana tiada beg plastik dibekalkan kepada pelanggan pada setiap hari Sabtu. Kempen ini dilaksanakan ini bagi mewujudkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Ia juga adalah sebahagian daripada

usaha Kerajaan dalam memperkasakan hak pengguna untuk mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat.

Langkah ini diambil bagi mengurangkan jumlah penggunaan beg plastik memandangkan bahan plastik mengambil masa lebih kurang 100 tahun untuk terurai. Pelupusan bahan plastik juga membebaskan gas karbon dioksida dan gas-gas lain yang menyumbang kepada kesan rumah hijau dan seterusnya memberi kesan buruk kepada alam sekitar.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga sedang meneliti cadangan untuk melaksanakan konsep bebas plastik pada setiap hari di seluruh negara. Kementerian telah mengadakan *engagement* dengan pihak *hypermarket* untuk mendapatkan maklum balas mengenai pelaksanaan Kempen Kurangkan Penggunaan Beg Plastik yang dilaksanakan pada masa sekarang. Input-input yang diperolehi akan digunakan untuk menambahbaik cadangan pelaksanaan kempen ini. Melalui pelaksanaan kempen ini juga, Kementerian berharap pengguna akan menjadikan budaya bebas plastik sebagai cara hidup dalam memelihara alam sekitar yang sihat dan selamat.